

Newspaper	Berita Harian
Date	26 May 2015

# INDUSTRI HALAL TARIK MINAT PELABUR JEPUN

» *Syarikat luar turut tertarik peluang sektor kewangan Islam di Malaysia*

Daripada **Ahmad Naim Tahir**  
ahmadnaim@bh.com.my

**P**erkembangan pesat industri kewangan Islam dan halal di Malaysia kini menarik minat banyak syarikat Jepun untuk melabur di negara ini, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, Malaysia kini adalah pasaran sukuk terbesar dunia serta negara pertama memperkenalkan taman halal, iaitu kawasan khusus bagi industri halal.

“Sejak tahun 2010, sektor berkenaan menarik pelaburan bernilai RM8.52 bilion dari Amerika Syarikat, Itali, Taiwan dan Singapura. Kini, semakin banyak syarikat di Jepun sedar mengenai peluang hebat yang ada di Malaysia,” katanya.

#### **Kerjasama ekonomi**

Najib berkata demikian ketika mengetuai delegasi Malaysia pada mesyuarat meja bulat dengan pengurusan kanan 34 konglomerat terkemuka Jepun di Tokyo, semalam.

Yang turut serta, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kerjasama ekonomi di antara Malaysia dan Jepun selepas ini akan memberi tumpuan khusus

“*Sejak tahun 2010, sektor berkenaan menarik pelaburan bernilai RM8.52 bilion dari Amerika Syarikat, Itali, Taiwan dan Singapura. Kini, semakin banyak syarikat di Jepun sedar mengenai peluang hebat yang ada di Malaysia*”

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

kepada pembangunan sektor strategik seperti teknologi dan industri perkhidmatan bertaraf tinggi.

Katanya, rangka kerja serta butiran mengenai perkara berkenaan sedang diperincikan oleh pegawai kedua-dua pihak.

“Saya pasti inisiatif baharu ini akan mewujudkan banyak ruang perkongsian dan peluang untuk manfaat bersama,” katanya.

Najib turut melahirkan rasa bangga Malaysia menjadi tumpuan pelaburan banyak syarikat terkemuka Jepun.

“Kebanyakan syarikat ini menggunakan pengusaha industri kecil dan sederhana tempatan untuk rangkaian pembekalan mereka,” katanya.

Beliau berkata, kini semakin banyak syarikat Jepun menyertai projek berkaitan pengiklanan dan kejuruteraan, selain khidmat kewangan di Malaysia.

BH-26/5/2015